



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO	
TARIKH	:	19/4/2019	MUKA SURAT : 17
JABATAN	:	PERHILITAN	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Ungka tangan putih kurniaan Sultan Kedah ditempatkan di THLL

Melati tarikan baharu Langkawati

LANGKAWI – Seekor ungka dikenali sebagai Melati yang dikurniakan Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah, kini menjadi tarikan baharu di Taman Hidupan Liar Langkawati (THLL) di sini.

Ungka tangan putih atau *Hylobates Lar* berusia 31 tahun itu, dipindahkan dari Istana Anak Bukit, Alor Setar dan dikuarantin selama seminggu sebelum dilepaskan ke sangkarnya di THLL semalam.

Pengurus Taman THLL, Nur Hamzani Hamzah berkata, Melati dikurniakan oleh Tuanku Sultan kerana baginda mahukan haiwan itu mendapat tempat tinggal yang lebih selesa dan memudakannya untuk bergerak lebih bebas.

“Sebelum ini, di Istana Anak Bukit, sangkar Melati kecil, jadi Tuanku mahu tempat ting-



MELATI ditempatkan di THLL, Langkawati bagi memberikannya tempat tinggal yang selesa.

gal yang lebih bersesuaian dengan lain mahu Melati ada pasangan hidup dan berkeluarga pada masa depan.

“Kos pembinaan sangkar Melati bernilai RM60,000 dan ditanggung sepenuhnya THLL

demni memberi kesesuaian kepada Melati,” katanya kepada pemberita selepas pelepasan Melati ke sangkarnya secara rasmi oleh pemilik THLL, Datuk Richard Long di sini semalam.

Nur Hamzani berkata, selepas

ini, pihaknya akan berusaha mendapatkan pasangan untuk Melati sama ada membeli atau meminjam ungka spesies yang sama daripada mana-mana zoo.

Menurutnya, Melati sebelum ini tidak pernah bertemu dengan ungka lain kerana ia pada asalnya merupakan haiwan peliharaan Almarhum Sultan Abdul Halim Muadzam Shah sejak 1989 pada usia enam bulan.

“Dengan kehadiran Melati yang merupakan spesies terancam dan dilindungi sepenuhnya oleh Akta Perlindungan, kami berharap ia akan dapat menarik lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara ke taman ini,” katanya.

Taman berkeluasan lebih empat hektar yang mempunyai sebanyak 150 spesies haiwan itu itu dibuka bermula 8.30 pagi hingga 6 petang setiap hari. – Bernama

INFO

Ungka Tangan Putih

- Nama saintifik *Hylobates Lar* juga digelar *gibbon white handed*.
- Jangka hayat 30-35 tahun.
- Tinggal di pedalaman hutan di Asia Tenggara dan Asia Selatan, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar dan Thailand.
- Sebahagian daripada keluarga Mawas termasuk orang utan dan cimpanzi.
- Lindungi kawasan dengan suaranya yang dapat didengar sejauh 1 kilometer.
- 50 peratus makannya adalah buah-buahan.
- Bergerak aktif sekitar lapan jam setiap hari.
- Kajian menunjukkan hanya ada sekitar 12,000 ke 15,000 spesies ini yang masih hidup di seluruh dunia.